

# SISTEM TEMPAHAN TAPAK BAZAR DALAM TALIAN

Reshinaath A/L M.Arumugam

Norleyza Jailani

*Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Berpuasa merupakan satu ibadah yang wajib dilakukan oleh warga Muslim yang biasanya sudah akil baligh, sepanjang bulan Ramadhan. Ibadah berpuasa bermula dari waktu fajar sehingga laungan azan pada waktu Maghrib dan sepanjang tempoh ini, para penganut agama Islam perlu menahan diri daripada godaan untuk makan atau minum. Salah satu tujuan berpuasa adalah melatih diri untuk memupuk sifat kesabaran, bertolak ansur dan kejujuran sepanjang tempoh yang cukup mencabar ini. Walaupun tempoh berpuasa agak mencabar, bulan Ramadhan sememangnya dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat Malaysia yang berbilang bangsa kerana wujudnya bazar Ramadhan. Bazar Ramadhan di Malaysia merupakan lokasi yang merupakan tuan rumah kepada sebilangan besar gerai jalanan yang menawarkan pelbagai jenis juadah dan minuman untuk dinikmati oleh para pembeli. Sama seperti tanggungjawab yang diberikan kepada setiap Majlis Perbandaran di Malaysia, Jabatan Perlesenan dan Penjaja (JPP) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) pula diberikan tanggungjawab untuk menyediakan dan mengagihkannya tapak bazar sekitar kawasan Kajang, Cheras, Bangi, Semenyih, Beranang dan Hulu Langat. Namun demikian, kaedah pentadbiran manual dan kaedah permohonan manual yang masih diamalkan merupakan satu masalah bagi pihak pentadbiran JPP dan para penjaja yang ingin membuka gerai di tapak-tapak bazar yang berada di bawah pengawasan JPP. Penggunaan kaedah manual memaksa para penjaja untuk kerap berulang-alik ke MPKj dan menunggu untuk tempoh yang lama. Oleh itu, E-baZaar merupakan sebuah sistem dalam talian yang bertekad untuk mengurangkan kesulitan atas kedua-dua pihak dengan membenarkan proses permohonan secara dalam talian oleh para penjaja dan melakukan tindakan tahap pentadbiran secara dalam talian oleh pihak pentadbiran JPP. Melalui keupayaan untuk mengisi, muat naik, melihat dan mengesahkan dokumen, E-bazaar turut menghapuskan keperluan penjaja untuk pergi ke bangunan MPKj lalu mengoptimumkan tempoh permohonan. Melalui penggunaan E-baZaar, para penjaja tidak perlu beratur atau menunggu di pejabat untuk tempoh yang lama kerana status permohonan mereka boleh dilihat melalui E-baZaar. Sistem E-baZaar juga membekalkan paparan yang menarik dan banyak memberikan maklumat yang boleh diubah suai oleh pihak pentadbiran JPP. Pengalaman pengguna yang luar biasa dan pengurusan data yang mudah semuanya kini boleh dicapai hanya dengan satu klik melalui sistem E-baZaar.

## 1 PENGENALAN

Tahap perkembangan teknologi dan kadar penggunaan kemudahan internet oleh rakyat Malaysia telah meningkat secara signifikan selama 5 tahun yang lalu. Perkembangan ini mengakibatkan kebanyakan francais di Malaysia dan kemudahan kerajaan mengalih tumpuan daripada kaedah tradisional kepada penggunaan aplikasi atau laman web. Perubahan ini membolehkan pihak atasan yang terlibat untuk melakukan sebarang pengumuman dan para pengguna untuk melakukan sebarang transaksi secara dalam talian dengan pantas dan berkesan.

Berdasarkan statistik daripada Bank Negara Malaysia, jumlah rakyat yang menggunakan kemudahan perbankan internet dan perbankan mudah alih meningkat secara berterusan sejak tahun 2005 (BNM 2020). Statistik ini jelas menunjukkan rakyat Malaysia cenderung terhadap keanjalan dan kecekapan yang dibekalkan oleh aplikasi dalam talian dan laman web.

Dalam konteks projek ini, pembinaan sebuah sistem dalam talian dapat menggantikan kaedah tradisional yang masih diamalkan oleh pihak pentadbiran JPP MPKj seperti pendaftaran dan permohonan tapak bazar melalui pengisian borang secara manual dan pembayaran secara bersemuka, dengan kaedah yang lebih canggih dan berkesan. Dengan ini, para penjaja boleh melakukan segala aktiviti berkaitan permohonan tapak, pembayaran dan penyemakan status dari mana jua mereka berada selagi mereka dapat mencapai internet. Manfaat sistem dalam talian turut merangkumi pihak pentadbiran JPP kerana mereka dapat melakukan tindakan pentadbiran dengan mudah dan sekali gus menyempurnakan interaksi bersama para penjaja.

## **2 PENYATAAN MASALAH**

Berdasarkan sesi temu ramah yang dijalankan dengan pegawai pelatih JPP dan perhatian yang dilakukan semasa berada di MPKj, berikut merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pihak pentadbiran JPP dan para penjaja yang ingin membuka gerai di tapak-tapak bazar yang berada di bawah pengawasan JPP akibat kaedah-kaedah manual yang digunakan.

- i. Penjaja terpaksa berulang-alik ke MPKj untuk mengendalikan urusan berkenaan penghantaran atau pembetulan borang permohonan tapak.

- ii. Penjaja harus menghadirkan diri ke MPKj untuk meninjau lokasi-lokasi bazar yang disediakan dan mendapatkan maklumat mengenai sesuatu tapak bazar.
- iii. Penjaja harus menghadirkan diri ke sesuatu lokasi yang ditetapkan oleh JPP ketika proses peruntukan plot untuk mengetahui butiran tapak yang diterima dan melakukan bayaran permit bazar.
- iv. JPP tidak dapat menyampaikan maklumat-maklumat dan perubahan penting yang terkini kepada semua penjaja dengan cepat dan berkesan.
- v. Kadang kala, JPP harus melanjutkan tempoh pengesahan dokumen akibat kecuaiian dala pengurusan dokumen.

### **3 OBJEKTIF KAJIAN**

Sistem Tempahan Tapak Bazar Dalam Talian bertujuan memudahkan dan mengoptimumkan segala urusan pentadbiran oleh pihak pentadbiran JPP dan urusan permohonan oleh para penjaja.

- i. Penjaja dapat mengisi semua borang berkenaan permohonan tapak bazar secara atas talian.
- ii. Penjaja dapat menerima pengumuman terkini oleh pihak pentadbiran JPP.
- iii. Penjaja dapat melakukan rayuan permohonan tapak bazar.
- iv. Penjaja dapat melakukan bayaran secara dalam talian melalui sistem.
- v. Pihak pentadbiran JPP dapat melihat dan mengesahkan semua borang penjaja.
- vi. Pihak pentadbiran JPP dapat menambah dan kemas kini butiran lokasi tapak bazar.
- vii. Pihak pentadbiran JPP dapat melihat status pembayaran penjaja.

- viii. Pihak pentadbiran JPP dapat memperuntukkan tapak bazar terus melalui sistem.
- ix. Pihak pentadbiran JPP dapat mengumumkan maklumat terkini kepada para penjaja melalui sistem

#### 4 METOD KAJIAN

Metodologi yang diguna untuk pembangunan projek ini ialah model *agile development*. Dalam model agile development, keseluruhan keperluan dibahagikan kepada 6 fasa. Kitar *agile development* diulang untuk setiap fungsi yang dibangunkan sehingga setiap fungsi yang ditentukan pada awal perancangan projek berjaya diselesaikan dengan jayanya. *Agile development* sangat mementingkan pendapat pengguna untuk memastikan projek yang diusahakan mengeluarkan hasil yang paling sesuai untuk pengguna dan memenuhi semua keperluan pengguna. Gambar rajah 4.1 memaparkan model kitaran hidup *agile development*.



Rajah 4.1: Model *Agile Development*

#### **4.1 Fasa Perancangan**

Fasa perancangan bermula dengan mengenalpasti proses nyata yang diamalkan oleh sesuatu organisasi yang boleh diperbaiki menggunakan kemudahan teknologi maklumat. Proses yang dikenal pasti ialah proses permohonan tapak bazar Ramadhan oleh penjaja di kawasan Kajang dan proses pengurusan permohonan tapak bazar Ramadhan oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Pihak berkepentingan yang terlibat dikenalpasti sebagai penjaja di kawasan Kajang dan pihak pentadbiran Jabatan Penjaja dan Pelesenan (JPP) MPKj. Untuk memahami proses pengurusan dan permohonan tapak bazar Ramadhan dengan lebih mendalam, seorang pegawai pelatih JPP MPKj ditemu ramah. Melalui temu ramah ini, pernyataan masalah, objektif dan skop projek dapat dikenalpasti. Sumber kajian seperti jurnal dan tesis yang mempunyai kaitan dengan bazar Ramadhan, proses pengurusan dan permohonan dikumpul dan dibaca, untuk meluaskan pengetahuan serta mengetahui jalan penyelesaian yang pernah digunakan dan juga cadangan yang dikemukakan oleh penerbit sumber kajian tersebut.

#### **4.2 Fasa Analisis**

Fasa analisis melibatkan analisis pernyataan masalah, objektif dan skop yang dikumpul dalam fasa perancangan. Analisis ini dilakukan untuk menentukan cara penyelesaian yang paling sesuai dan optimum. Jurnal dan thesis yang dibaca turut membantu menjana idea yang cukup bernas dalam proses penentuan cara penyelesaian masalah. Dalam konteks projek ini, cara paling berkesan yang ditentukan ialah pembangunan sebuah sistem dalam talian yang mampu menguruskan pengurusan tapak bazar Ramadhan oleh pegawai JPP MPKj dan permohonan tapak bazar Ramadhan oleh para penjaja yang ingin membuka gerai di tapak-tapak bazar yang berada di bawah pengawasan JPP MPKj.

Selepas penentuan pembangunan Sistem Tempahan Tapak Bazar Dalam Talian, kajian terhadap sistem sedia ada dilakukan untuk menentukan kelebihan dan kekurangan yang terdapat pada sistem-sistem tersebut dan sistem yang bakal dibangunkan. Perbandingan sistem sedia ada dan sistem bakal dibangunkan ditunjukkan pada jadual 4.1. Sebuah sesi temu ramah diadakan bersama wakil Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), sebuah organisasi yang cukup berpengalaman dalam menggunakan sistem dalam talian yang menguruskan

pengurusan dan permohonan tapak bazar Ramadhan (eLesen MBPJ), iaitu En. Muhammad Khairul Asyraf bin Rusli selaku Penolong Pengarah Lesen (Penjaja) MBPJ. Temu ramah bersama beliau sangat membantu dalam mengerti fungsi sistem serta proses yang terlibat dalam sistem eLesen MBPJ.

Jadual 4.1: Perbandingan Sistem Sedia Ada dan Sistem Bakal Dibangunkan

	Aplikasi Perisian				
	<i>Sistem eBazar MBSA</i>	<i>Sistem eLesen MBPJ</i>	<i>S.M.A.R.T Iftar@Perak</i>	<i>Aplikasi Getmakan</i>	<i>Sistem E-baZaar</i>
<b>Pengesahan Berperingkat</b>	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Pengesahan Penjaja</b>	✓	✓	⊘	⊘	✓
<b>Muat Naik Butiran Peribadi</b>	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Permohonan Tapak</b>	✓	✓	⊘	⊘	✓
<b>Paparan Butiran Bazar</b>	⊘	⊘	✓	✓	✓
<b>Pengumuman Status Permohonan</b>	⊘	✓	⊘	⊘	✓
<b>Pengedaran Tapak Bazar secara Dalam Talian</b>	⊘	⊘	⊘	⊘	✓
<b>Rayuan Permohonan</b>	⊘	⊘	⊘	⊘	✓
<b>Urusan Jual Beli</b>	⊘	⊘	✓	✓	⊘
<b>Bayaran Dalam Talian</b>	⊘	⊘	⊘	⊘	✓

### 4.3 Fasa Reka Bentuk

Fasa reka bentuk merupakan fasa yang paling penting dalam projek. Fasa reka bentuk terdiri daripada tiga reka bentuk yang utama iaitu, reka bentuk sistem, reka bentuk pangkalan data dan reka bentuk antara muka. Reka bentuk sistem merangkumi rajah kes guna, spesifikasi kes guna, rajah aktiviti, modul hierarki dan rajah jujukan manakala reka bentuk pangkalan data merangkumi rajah kelas dan kamus data.

Reka bentuk sistem merupakan kerangka Sistem Tempahan Tapak Bazar Dalam Talian yang menstruktur aliran data dan langkah yang terlibat dalam setiap fungsi sistem. Rajah kes guna menunjukkan hubungan setiap fungsi sistem dengan pengguna sistem dengan jelas dan mudah. Spesifikasi kes guna menerangkan aliran utama dan aliran alternatif setiap fungsi sistem. Rajah aktiviti merumus susunan fungsi sistem berdasarkan kes guna, mengikut pengguna sistem. Modul hierarki mengklasifikasikan fungsi utama sistem kepada sub fungsi yang terlibat dalam penggunaan fungsi utama tersebut. Rajah jujukan menunjukkan interaksi antara pengguna utama dan objek kelas yang berkaitan dengan fungsi sistem secara berturutan.

Reka bentuk pangkalan data penting untuk menentukan semua data yang harus disimpan oleh sistem dan aspek yang paling penting ialah penentuan kunci utama. Rajah kelas menerangkan struktur sistem dengan menjelaskan kelas-kelas dalam sistem, ciri-ciri kelas dan hubungan antara kelas-kelas tersebut. Lakaran rajah kelas penting untuk memastikan struktur pangkalan data adalah sistematik. Kamus data merupakan pusat penyimpanan maklumat bagi ciri-ciri setiap kelas dalam pangkalan data. Kamus data turut menerangkan kandungan format dan struktur pangkalan data dan juga hubungan setiap ciri yang digunakan untuk menyimpan, manipulasi dan mengawal akses data.

#### **4.4 Fasa Pembangunan**


Fasa pembangunan menggunakan rangka kerja *Model View Controller* (MVC), Laravel dan bahasa pengaturcaraan seperti PHP, HTML, CSS, JavaScript, AJAX dan SQL. Kelebihan menggunakan rangka kerja MVC ialah pembangunan antara muka, pembangunan pangkalan data dan terutamanya pembangunan fungsi-fungsi sistem dalam dilakukan secara berasingan.

Dengan ini, proses pembangunan secara keseluruhannya amat teratur dan punca kesalahan dapat dikesan dengan lebih mudah.


Bahasa pengaturcaraan seperti HTML dan CSS digunakan untuk reka antara muka sistem, PHP dan JavaScript digunakan untuk reka fungsi sistem tidak segerak, AJAX digunakan untuk reka fungsi sistem segerak dan SQL pula digunakan untuk berinteraksi dengan pangkalan data MySQL. Semua fungsi sistem yang melibatkan paparan, tambahan, ubah suai, dan pembatalan data dan gambar dibangunkan dalam fasa ini. Pembangunan fungsi sistem bagi penjaja dilakukan mengikut kronologi seperti yang dipaparkan dalam carta aliran rajah 4.2 manakala pembangunan fungsi sistem bagi pihak pentadbiran JPP dilakukan mengikut kronologi seperti yang dipaparkan dalam carta aliran rajah 4.3.

Copyright@FTSM





Rajah 4.2: Carta Aliran Fungsian Penjaja



Rajah 4.3: Carta Aliran Fungsian Pihak Pentadbiran JPP

#### **4.5 Fasa Pengujian**

Fasa pengujian penting untuk mengesan ralat yang mungkin dialami oleh pengguna sistem semasa menggunakan sistem, lalu membaikinya. Ralat dikesan dengan memasukkan pelbagai input yang mempunyai struktur yang berbeza. Sistem turut diprogram untuk mengendalikan ralat yang dialami oleh pengguna dengan antara muka yang bukan sahaja mesra pengguna tetapi boleh menerangkan ralat yang dialami.

Kaedah ujian yang digunakan untuk menguji fungsi-fungsi sistem adalah teknik *black-box testing* dengan menggunakan kaedah pengujian kes-guna. Terdapat 18 fungsi dalam sistem ini. Segala ralat yang dikenal pasti dibetulkan dan diuji semula untuk memastikan keberkesanan setiap fungsi sistem.

#### **4.6 Fasa Ujian Penerimaan Pengguna**

Seperti yang dinyatakan, *agile development* mementingkan pendapat pengguna untuk memastikan projek yang diusahakan mengeluarkan hasil yang paling sesuai untuk pengguna dan memenuhi semua keperluan pengguna. Oleh itu, fasa ujian penerimaan pengguna memberi fokus kepada pendapat pengguna terhadap fungsi dan antaramuka yang telah dibangunkan. Komen dari pengguna digunakan untuk membaiki fungsi atau antara muka supaya produk terakhir selesai digunakan oleh pengguna sistem.


### **5 HASIL KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan hasil daripada proses pembangunan dan pengujian Sistem Tempahan Tapak Bazar Dalam Talian.

#### **5.1 Reka Bentuk Antara Muka Sistem**

Rekabentuk antaramuka sistem dilakukan secara kemas dan tersusun supaya setiap laman web senang untuk dilayari oleh pengguna sistem. Reka bentuk antara muka pengguna adalah bahagian yang paling penting dan kritikal dalam sesuatu sistem kerana keberkesanan penggunaan sistem dan reka bentuk antara muka mempunyai perkaitan dan saling bergantung

antara satu sama lain. Rajah 5.1 hingga 5.14 menunjukkan antara muka utama sistem yang dilayari melalui laman sesawang “<http://www.reideas.site/>” menggunakan komputer riba dan pelayar web Google Chrome.



Rajah 5.1: Antara Muka Log Masuk

**Daftar**

No Kad Pengenalan:

Emel:

Kata Laluan:

Sahkan Kata Laluan:

**Butiran Pendaftar**

Nama:

No Telefon Bimbit:

Kewarganegaraan:  
 Warganegara  Bukan Warganegara  Penduduk Tetap

Jantina:  
 Lelaki  Perempuan

Kaum:

Tarikh Lahir:

Alamat Kediaman:

Poskod:

Bandar:

Negeri:

Rajah 5.2: Antara Muka Pendaftaran

**BUTIRAN PERIBADI**

Nama

No Kad Pengenalan

Nombor Telefon  Emel

Tarikh Lahir

Jantina  Kaum

Kewarganegaraan

Alamat Kediaman

Bandar  Negeri  Poskod

Rajah 5.3: Antara Muka Borang Butiran Peribadi

**BUTIRAN BAZAR RAMADHAN**

Ruang yang mempunyai simbol (\*) tidak boleh diubah setelah disimpan

**Kawasan\***  
Bangi

**Lokasi\***  
Jalan 7/1A, Sek.7 Bandar Baru Bangi (Tapak Pasar Malam)

**Jenis Jualan**  
 Makanan  Minuman

**Jenis Permit**  
Permit Minuman Balang

**Butiran Jualan**  
Air Sirap

[Kemas Kini](#)

Rajah 5.4: Antara Muka Borang Butiran Tapak Bazar

**BAYARAN**

**Butiran Pembayar**

**Nama**  
Trial User

**Emel**  
trial@gmail.com

**Alamat Kediaman**  
Trial Address

**Bandar** Seremban **Negeri** Negeri Sembilan **Poskod** 70300

**Butiran Kad**


**Nama Seperti Dalam Kad**  
Nama Seperti Dalam Kad

**Kad Kredit atau Kad Debit**  
Card number MM / YY / CVC


[Bayar RM 255.00](#)

Rajah 5.5: Antara Muka Bayaran





Rajah 5.6: Antara Muka Terima Kasih



Rajah 5.7: Antara Muka Invois



E-bazaar

Search for...

LAMAN UTAMA

- Laman Utama

FUNGSI UTAMA

- Butiran Pengguna
- Permohonan Tapak
- Bayaran
- Status Permohonan

FUNGSI TAMBAHAN

- Butiran Tapak Bazar

Selamat Datang, Trial User

## Status Permohonan Anda:

Tahniah! Anda **BERJAYA** menerima tapak bazar!


Sila lakukan bayaran anda sebelum 18/06/2020 untuk mengelakkan pembatalan permohonan. Butiran tapak bazar ramadhan anda adalah seperti berikut:

No.	Kawasan	Lokasi	Kod Tapak
1	Bangi	Jalan 7/1A, Sek.7 Bandar Baru Bangi (Tapak Pasar Malam)	SB0702


*Butiran Tapak Bazar Ramadhan*

Rajah 5.8: Antara Muka Status Permohonan







Rajah 5.9: Antara Muka Pengumuman dan Paparan




Rajah 5.10: Antara Muka Uruskan Lokasi Tapak Bazar



Rajah 5.11: Antara Muka Uruskan Status Dokumen Peniaga




Rajah 5.12: Antara Muka Uruskan Rayuan Penjaja



Rajah 5.13: Antara Muka Uruskan Peruntukan Tapak Bazar







Rajah 5.14: Antara Muka Uruskan Pengumuman dan Paparan

## 5.2 Pengujian Sistem


Pengujian aplikasi dilakukan pada menggunakan komputer riba ke atas Sistem Tempahan Tapak Bazar Dalam Talian. Rajah 5.15 menunjukkan mesej berjaya yang dipaparkan oleh sistem apabila pengguna berjaya memasukkan data yang sah dalam sistem. Rajah 5.16 menunjukkan mesej ralat yang dipaparkan oleh sistem apabila pengguna memasukkan data yang tidak sah dalam sistem. Rajah 5.17 menunjukkan mesej amaran yang dipaparkan oleh sistem apabila pengguna melakukan sebarang tindakan yang tidak dibenarkan oleh sistem.



Rajah 5.15: Paparan Mesej Berjaya



Rajah 5.16: Paparan Mesej Ralat



Rajah 5.17: Paparan Mesej Ralat

Pengujian sistem turut dilakukan oleh beberapa individu sebagai pengguna sistem. Jadual 5.1 menunjukkan komen dari pengguna sistem dan perubahan yang dilakukan.

Jadual 5.1: Komen Pengguna Sistem dan Perubahan yang Dilakukan

Nama	No.Matrik	Peranan Pengguna	Komen	Perubahan kepada Sistem
Hemalakshmi Naidu A/P Thanarajan	A165521	Penjaja	1. Butang “Tambah Pembantu” mengganggu pandangan dan mengelirukan penjaja yang ingin memilih “Tiada Pembantu”.	1. Butang “Tambah Pembantu” hanya dipaparkan jika penjaja memilih “Ada Pembantu”.
Malareshwary A/P M Segar	A164324	Penjaja	1. Perkataan “Perjanjian” tidak sesuai.	1. Perkataan “Perjanjian” ditukarkan kepada “Terma & Syarat”

Yogadevan A/L Vijayan	A163578	Penjaja	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tiada arahan yang jelas tentang format nombor telefon dan nombor kad pengenalan.</li> <li>2. Tiada arahan yang jelas tentang ruang yang tidak boleh diubah setelah disimpan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petua alat ditambah sebelah setiap ruang butiran “Nombor Telefon” dan “No Kad Pengenalan”. Petua alat mempamerkan format nombor telefon dan nombor kad pengenalan yang diterima.</li> <li>2. Setiap borang memberi amaran dan mempunyai simbol “*” pada setiap ruang yang tidak boleh diubah setelah disimpan.</li> </ol>
Nhavin A/L Gnanaprakasam	A164168	Penjaja	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Butang yang mengarahkan pengguna ke laman seterusnya tidak jelas.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Latar belakang laman web diseragamkan kepada warna yang cukup gelap, dan saiz butang dibesarkan.</li> </ol>
Harivalagan Siva Kumar	A172377	Penjaja	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penunjuk kemajuan tidak jelas.</li> <li>2. Lebih cekap jika notifikasi dihantar melalui untuk maklumkan pengguna yang tidak melayari E-baZaar.</li> <li>3. Simbol notifikasi sama pada dua</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Latar belakang penunjuk kemajuan ditukarkan kepada warna yang cukup gelap.</li> <li>2. Menambah fungsi emel notifikasi. Setipa notifikasi kini juga akan dihantar melalui emel.</li> </ol>

			kategori notifikasi yang berbeza.	3. Simbol notifikasi disemak semula dan ditukar supaya setiap kategori notifikasi mempunyai simbol yang berbeza.
Thuushren A/L Ragunathan	GA04276	Penjaja	1. Tiada arahan yang jelas tentang saiz lampiran yang dibenarkan.	1. Menyertakan arahan tentang saiz lampiran yang dibenarkan pada muka "Lampiran" penjaja.
Pn. Norleyza Jailani	K006573	Penjaja dan Pentadbir Sistem	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Fungsi menambah pembantu tidak berfungsi.</li> <li>2. Mudahkan urusan pentadbir sistem dengan membenarkan pentadbir sistem untuk melihat maklumat penjaja terus daripada "Senarai Penjaja Diterima" dan "Senarai Penjaja Ditolak" pada fungsi "Peruntukan Tapak Bazar".</li> <li>3. Tiada arahan yang jelas kepada penjaja untuk melakukan bayaran pendaftaran selepas penjaja menerima terma dan syarat.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Fungsi menambah pembantu dibetulkan.</li> <li>2. Menambah butang "Lihat" di setiap baris pada "Senarai Penjaja Diterima" dan "Senarai Penjaja Ditolak", yang mengarahkan pentadbir sistem ke laman yang memaparkan butiran penjaja apabila ditekan.</li> <li>3. Mesej berjaya yang dipaparkan selepas penerimaan terma dan syarat diubah suai dengan menyertakan arahan untuk melakukan bayaran pendaftaran.</li> </ol>



			<p>4. Susun atur paparan mesej dan butang “Peruntukan Tapak” tidak teratur.</p> <p>5. Jadual “Butiran Bayaran” pada laman “Perakuan Pemohon” tidak tepat.</p>	<p>4. Susun atur paparan mesej dan butang “Peruntukan Tapak” dibetulkan.</p> <p>5. Jadual “Butiran Bayaran” diubah suai dengan mengasingkan bayaran “Yuran Pendaftaran” dan “Yuran Permit Bazar Ramadhan”.</p>
--	--	--	---	--

## 6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Sistem Tempahan Tapak Bazar Dalam Talian telah berjaya dibangunkan dan menepati keperluan dari segi pengguna dan juga aspek kegunaan pasaran. Sistem Tempahan Tapak Bazar Dalam Talian berjaya dibangunkan untuk menggantikan sistem manual yang masih digunakan oleh pihak pentadbiran JPP MPKj untuk menguruskan permohonan tapak bazar Ramadhan. Sistem Tempahan Tapak Bazar Dalam Talian mampu memperuntukkan tapak bazar Ramadhan dan sebagai bonus menguruskan rayuan penjaja yang tidak menerima tapak bazar Ramadhan. Proses-proses yang sebelumnya akan mengambil masa yang lama akibat kaedah manual yang digunakan, kini telah dioptimumkan melalui penggunaan sistem dalam talian. Secara amnya, Sistem Tempahan Tapak Bazar Dalam Talian dapat memudahkan urusan penjaja dan pihak pentadbiran JPP dengan kepelbagaian fungsi yang disediakan.

## 7 RUJUKAN

BATREAU, Q. and BONNET, F. (no date) ‘Managed Informality: Regulating Street Vendors in Bangkok’, *City & Community*, 15(1), pp. 29–43. doi: 10.1111/cico.12150.

c, N., Bharathi, N. and Pushpa (2019) ‘Structural Evaluation of E Wallet acceptance by Street

Vendors using Task-Technology Fit Model’.

Fang, Y. *et al.* (2014) ‘Trust, Satisfaction, and Online Repurchase Intention’, *MIS Quarterly*. Management Information Systems Research Center, University of Minnesota, 38(2), pp. 407-A9. doi: 10.2307/26634932.

*Internet Banking and Mobile Banking Subscribers* (2020) BNM. Available at: <https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=34&pg=163&ac=4&bb=file>.

Kagarmanova, A. (2018) *Electronic bazaar: Social Media as a marketplace in contemporary Kazakhstan*. Nazarbayev University School of Sciences and Humanities.

Kim, M.-S. and Ahn, J.-H. (2006) ‘Comparison of Trust Sources of an Online Market-Maker in the E-Marketplace: Buyer’s and Seller’s Perspectives’, *Journal of Computer Information Systems*. Taylor & Francis, 47(1), pp. 84–94. doi: 10.1080/08874417.2006.11645942.

*Malaysia Digital Marketing Statistics 2020 - Digital Influence Lab* (2020) *Digital Influence Lab*. Available at: <https://digitalinfluencelab.com/malaysia-digital-marketing-stats>.

SuperOffice (2020) *18 CRM Statistics You Need to Know for 2020*. Available at: <https://www.superoffice.com/blog/crm-software-statistics>.

Woon, K. C. *et al.* (2010) ‘B2B e-marketplace: an e-marketing framework for B2B commerce’, *Marketing Intelligence & Planning*. Emerald Group Publishing Limited, 28(3), pp. 310–329. doi: 10.1108/02634501011041444.